

PM arah tubuh jawatankuasa pantau kos sara hidup

Uhm - 25/12/2022 m/s: 4



AHMAD Zahid Hamidi ketika menghadiri Majlis Mesra Bersama Timbalan Perdana Menteri di Bukit Kemuning, Klang, semalam.

KLANG: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah mengarahkan penubuhan sebuah jawatankuasa pelaksanaan dan pemantauan kos sara hidup bagi memastikan usaha kerajaan meringankan beban rakyat dapat dilakukan secara berterusan.

Timbalannya, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi berkata, beliau sendiri telah diarahkan untuk mempengerusikan jawatankuasa tersebut.

Katanya, jawatankuasa itu akan memastikan kesinambungan kepada pengumuman yang dilakukan kerajaan sebelum ini termasuk berkaitan tarif elektrik, petrol serta langkah mengawal kekurangan bahan makanan asas.

“Saya telah bekerjasama dengan menteri-menteri tertentu yang menjaga portfolio kos sara hidup bersama Ketua Setiausaha dan Ketua Pengarah serta lain-lain pegawai kanan kementerian untuk menangani permasalahan ini,” katanya kepada pemberita selepas Majlis Ramah Mesra Bersama Timbalan Perdana Menteri anjuran Persatuan Penganut Kuil Sree Maha Kalliamman di Bukit Kemuning di sini semalam.

Terdahulu berucap pada majlis itu, Ahmad Zahid berkata, kos sara hidup akan menjadi keutamaan pentadbiran kerajaan perpaduan.

Dalam pada itu katanya, Anwar Ibrahim akan umum pelan-

tikan politik untuk jawatan pengerusi badan berkanun dan syarikat milik kerajaan (GLS) selepas penyelarasan dilakukan.

“Ia dibuat berdasarkan penyelarasan semua badan berkanun, GLC dan juga syarikat-syarikat yang lain di bawah kementerian serta agensi untuk disamaratakan pada tarikh yang akan ditentukan oleh Perdana Menteri sendiri,” ujarnya.

Sementara itu dalam program tersebut, Ahmad Zahid mengumumkan pelantikan Presiden Pertubuhan Minda dan Sosial Prihatin (PMSP), Datuk Seri KN Ramesh Rao sebagai Pegawai Khas Timbalan Perdana Menteri yang akan menjaga hal ehwal kaum India di negara ini.